**FAQ PROJEK PERTANIAN BANDAR DI BAWAH**

**PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

1. Apakah tujuan Projek Pertanian Bandar diwujudkan?

   Pelaksanaan Projek Pertanian Bandar bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup penduduk bandar dan pinggir bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19, mewujudkan interaksi sosial dan menggalakkan komunikasi di kalangan komuniti bandar serta membantu dalam menjamin keselamatan makanan.

2. Bagaimanakah hendak menyertai Projek Pertanian Bandar?

   Pemohon boleh mengisi Borang Permohonan Projek Pertanian Bandar yang boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Pertanian (http://www.doa.gov.my) atau hadir ke Pejabat Pertanian Daerah yang berdekatan.

3. Siapakah yang layak memohon projek ini?

   a. Permohonan terbuka kepada warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas dan terhad kepada satu permohonan sahaja
   b. Berminat untuk melaksanakan projek pertanian
   c. Bersedia memberi komitmen sepenuhnya kepada pelaksanaan projek pertanian.

      i. Kategori Komuniti

         Projek dilaksana di sekitar kediaman secara berkumpulan dengan bilangan minima 10 orang peserta

      ii. Kategori Individu

          Projek dilaksanakan secara individu di kawasan kediaman masing-masing.

4. Apakah bentuk bantuan/insentif yang diberikan?

   Insentif one-off berbentuk input pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal.

5. Berapa lamakah tempoh permohonan dan kelulusan?

   Permohonan telah dibuka sehingga **31 Julai 2020**. Selepas permohonan lengkap diterima, Pegawai Jabatan Pertanian akan melawat kawasan projek untuk menentukan kategori projek, kesesuaian tapak dan jenis bantuan/insentif.

6. Kawasan perumahan saya terdapat tanah kosong yang boleh diusahakan, bolehkah saya menjalankan Projek Pertanian Bandar?

   Boleh. Projek Pertanian Bandar boleh dijalankan di tanah tersebut secara komuniti dengan kebenaran bertulis daripada pemilik tanah terlebih dahulu, atau secara individu di kawasan sekeliling rumah.

7. Jika saya ada sebarang soalan tambahan, dengan siapakah saya boleh berhubung?

   Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pejabat Pertanian Daerah berdekatan atau:

**BAHAGIAN PERTANIAN BANDAR**
**ARAS 12, WISMA TANI, LOT 4G2**
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA**
**Phone : 03-8870 3212 / Fax : 03-8870 3282**
**Email : bandar@doa.gov.my**
**Laman sesawang : http://www.doa.gov.my**